

14/05/1999

Azhar lega terima tiang layar

Abdul Karim Mustafa in Falklands

FALKLANDS, Khamis - Pelayar negara, Azhar Mansur, lega apabila menerima tiang layar baru untuk Jalur Gemilang bagi membolehkannya meneruskan pelayaran mengelilingi dunia.

Tiang layar itu, yang dibuat Allyacht Spars di Brisbane, Australia, dibawa dengan pesawat Hercules C-130 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Mount Pleasant di sini, kira-kira jam 3.45 pagi ini waktu Malaysia (3.45 petang semalam waktu tempatan).

Ketibaan pesawat yang membawa 17 anak kapal diketuai Lt Kol Fadhil Sheikh Ahmad serta penyelarar Jalur Gemilang, Azmi Mansur dan wakil Allyacht Spars, Joel Berg, disambut Azhar sendiri serta pengarah projek, Noel Belman. Seramai 11 wartawan Malaysia turut menyertai penerbangan itu.

Azhar ketika ditemui berkata, beliau terhutang budi dengan pembabitan TUDM kerana penghantaran itu dapat membantu mengurangkan masa selama dua minggu yang diperlukan untuk mengangkut tiang layar itu.

"Usaha memasang, melakukan penjajaran dan ujian akan mengambil masa seminggu setengah dari sekarang sebelum saya meneruskan perjalanan ke Cape Horn.

"Walaupun agak tersasar sedikit daripada jadual asal, sekurang-kurangnya saya sudah pasti sekarang bila akan berlepas dan tidak lagi tertunggu-tunggu," katanya.

Beliau turut menerima surat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim. Surat berkenaan disampaikan Azmi setibanya di lapangan terbang.

Azhar berkata, beliau juga menerima bantuan penduduk tempatan dalam menjalankan kerja membaik pulih Jalur Gemilang yang sudah diangkat ke darat menggunakan kren di Port Stanley.

Kerja pemasangan tiang layar itu akan dimulakan esok kerana Azhar juga sudah menerima kelengkapan lain dari London, semalam.

Percubaan Azhar untuk mencatat rekod dunia sebagai orang pertama belayar mengelilingi dunia tanpa henti secara solo di laluan barat-timur yang baru, tergendala selepas tiang layar utama Jalur Gemilang patah dua dalam kejadian ribut pada hari ke-69 Azhar di laut.

Sejak itu percubaannya diklasifikasikan semula oleh Majlis Rekod Kelajuan Belayar Dunia sebagai 'pelayaran solo dengan berhenti, mengikut laluan timur'.

Ekoran itu juga TUDM mengadakan misi menerbangkan tiang layar baru itu dengan pesawat Hercules C-130. Inilah kali pertama pesawat tentera udara Malaysia mengelilingi dunia bagi menjalankan satu misi.

Penerbangan A662 itu juga mencatat sejarah apabila menjadi pesawat tentera Asia pertama mendarat di Kepulauan Falklands selepas mengharungi penerbangan selama 44.1 jam meliputi jarak 13,200 batu nautika (24,420 kilometer) dari pengkalan TUDM Subang.

Sebelum tiba di sini, pesawat itu singgah di Brisbane untuk mengambil kelengkapan Jalur Gemilang serta membawa Berg bersama.

Dalam perjalanan pulangnya, pesawat itu akan membuat beberapa persinggahan di Argentina, Recife di Brazil, Accra di Ghana, Mombassa di Kenya dan Male, sebelum dijadualkan tiba di Kuala Lumpur pada 21 Mei.

(END)